

# Lakukan ujian COVID-19 di PPS, cegah kluster baharu - Agong

Disember 20, 2021 @ 3:38pm



KUANTAN: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, hari ini menitahkan supaya ujian saringan COVID-19 dilakukan terhadap mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) bagi memastikan tiada kluster baharu tercetus.

Seri Paduka bertitah, ujian itu bagi membolehkan mereka yang didapati positif COVID-19, diasingkan daripada mangsa banjir lain.

Selain itu, baginda bertitah, semua pihak yang berada di PPS perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dikeluarkan Kementerian Kesihatan kerana penularan COVID-19 masih berlaku.

"Ini (ujian saringan COVID-19) perlu dijadikan keutamaan kerana tidak mahu PPS menjadi kluster. Sila ambil perhatian pada siapa yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan sewajarnya kerana perkara ini tidak boleh dikompromi," titah baginda ketika menyantuni 225 mangsa banjir di PPS Wisma Belia, di sini, hari ini.

Turut berkenan berangkat menyantuni mangsa banjir itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, bersama dua anakanda baginda, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah, dan Tengku Panglima Raja Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah.

Terdahulu, keberangkatan tiba Al-Sultan Abdullah yang memandu sendiri kenderaan pacuan empat roda ke PPS itu disambut Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, dan Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak.

Seri Paduka juga menitahkan pihak terbabit operasi banjir agar tidak leka melaksanakan tanggungjawab membantu mangsa banjir sama ada yang berada di PPS atau tidak.

"Untuk semua terutama yang berada di pedalaman, jika harus berpindah ikutlah arahan. Nasihatkan juga anak-anak jangan bermain air supaya tidak berlaku kejadian tidak diingini," titah baginda.

Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan simpati kepada mangsa banjir, sekali gus mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama mendoakan situasi banjir dan cuaca buruk di Malaysia segera berakhir.

Sementara itu Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu, dalam taklimatnya kepada Seri Paduka berdua memaklumkan, daerah ini mengalami hujan lebat melebihi 120 milimeter (mm) pada Jumaat lalu sebelum meningkat hingga 203 mm pada Sabtu dan menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air.

Purata hujan bagi tempoh 24 jam yang direkodkan di stesen telemetri hujan di Pulau Manis, Ulu Lepar dan Sungai Lembing, telah melebihi jumlah purata hujan sebulan, selain menyebabkan lima sungai utama termasuk Sungai Lembing, Sungai Kuantan dan Sungai Belat melepasi paras bahaya.

Setakat ini, Wan Mohd Zahari berkata, sebanyak 43 PPS dibuka di Kuantan bagi menempatkan 13,642 mangsa banjir daripada 351 keluarga.

Beliau berkata, operasi memindah serta menyelamatkan dilakukan 889 pegawai dan anggota pelbagai agensi seperti bomba, tentera serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dengan diketuai polis.

"Mangsa yang berada di PPS tidak akan dibenarkan terus balik ke rumah sebelum mereka disahkan bebas daripada jangkitan COVID-19," katanya. – BERNAMA